



10

KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

FLORIA 2009

PUTRAJAYA – Seramai 300,000 orang dijangka akan membanjiri **Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2009** atau **FLORIA PUTRAJAYA 2009** yang akan muncul sekali lagi dengan mempamerkan lebih 400,000 bunga-bunga dan tanaman hiasan berwarna-warni dalam bentuk taman-taman yang indah dan mempersonakan untuk tatapan pengunjung.

Semasa berucap di dalam majlis sidang media Floria 2009, Y.B. Dato' Raja Nong Chik Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan memaklumkan bahawa penganjuran Floria 2009 ini akan memperkukuhkan lagi imej dan mempromosikan Putrajaya sebagai "Bandar Raya Dalam Taman" dan "Bandar Raya Berbunga" serta meningkatkan sektor pelancongan sebagai antara penggerak utama ekonomi di Putrajaya. Di samping itu, acara ini akan turut memberi peluang kepada pengusaha industri landskap dan hortikultur tempatan untuk meraih faedah dan meluaskan peluang perniagaan dan perkongsian bijak dalam ke dua-dua bidang ini.

Bunga Orkid dipilih sebagai bunga tema Floria 2009 di mana pelbagai spesis orkid akan dipamer dan disusun dalam rekabentuk taman, hiasan dan gubahan bunga yang menarik. Selain mendapat pendedahan dan pengalaman kepada pelbagai koleksi flora dan tumbuhan yang berwarna-warni, pengunjung juga akan dapat mempelajari pelbagai peralatan dan produk untuk berkebun, teknik berkebun yang betul di samping dapat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai pembangunan teknologi terkini di dalam industri landskap, hortikultur dan perkebunan.

Antara tarikan di Floria 2009 adalah *Showcase Gardens*, Taman Etno-Botanik, Taman Korporat, Taman Universiti dan Sekolah, *Horticulture Mart*, *Agro-Ornamental Garden*, Laman Seni dan *Kiddie Garden*. Para pengunjung juga akan dihiburkan dengan **pelbagai program** dan **aktiviti hiburan**, kesenian, kebudayaan, demonstrasi dan ceramah berkaitan perkebunan.

Selain menjanjikan kemeriahan kepada pengunjung melalui penampilan pelbagai jenis flora yang unik dan berwarna-warni serta rekabentuk dan susun atur landskap yang cantik dan menarik, tema festival iaitu **Kemeriahan Warna** atau ***Celebration of Colours*** juga melambangkan kehidupan rakyat Malaysia berbilang kaum yang mempunyai latar belakang dan budaya yang berbeza dapat hidup secara aman dan harmoni di negara ini.

Festival yang akan diadakan buat kali keduanya akan berlangsung selama sembilan hari bermula dari **1 hingga 9 Ogos 2009** bertempat di **Persisiran Tasik, Presint 2 Putrajaya**. Festival ini dibuka kepada orang

ramai secara percuma dari pukul 9 pagi hingga 10 malam (Isnin hingga Khamis) dan dari pukul 9 pagi hingga 12 tengah malam (Jumaat hingga Ahad). Untuk maklumat lanjut sila hubungi Haslinda (03-88875034/019-2627023) atau lawati website ppj.gov.my.



(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 30 Jun 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013